

20 JUN 2001

Umno-Wanita (Kepimpinan)

PUCUK PIMPINAN SEKARANG MASIH RELEVAN, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Wanita Umno mengulangi yang barisan kepimpinan sekarang yang diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai masih relevan kepada parti dan negara.

Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, hanya mereka dengan agenda tersendiri yang akan berpendapat sebaliknya kerana tidak dapat membawa ke hadapan agenda sendiri mengikut laluan yang diambil oleh Dr Mahathir dan Umno.

"Ya sudah tentu, jika anda bercakap kepada akar umbi, anda akan sedar mereka dengan agenda tersendiri sahaja yang berpendapat di sebaliknya," kata beliau semasa menjawab seorang wartawan asing yang berkata pihak pembangkang di negara ini berpendapat mesti ada perubahan dalam kepimpinan sekarang ini.

Rafidah berkata demikian kepada pemberita selepas perasmian serentak perhimpunan agung Pemuda dan Wanita Umno oleh Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, pagi ini.

Rafidah menambah kata sehingga ini, anggota parti dan juga rakyat puas hati dengan kepimpinan kolektif sekarang ini yang diamalkan oleh Dr Mahathir dan anggota-anggota Kabinetnya.

"Bagi Wanita Umno, kami puas hati dengan kepimpinan beliau, ia kepimpinan kolektif. Keputusan-keputusan tidak dibuat secara satu pihak dalam parti ataupun kerajaan, jadi apa sahaja kepincangan daripada segi pelaksanaan, kita perlu bertanggungjawab secara kolektif dan juga membetulkannya," kata beliau lagi.

Beliau menambah kata, pembangkang tidak berhak untuk menyatakan apa-apa mengenai kepimpinan sekarang kerana mereka sendiri yang sepatutnya berundur kerana gagal mengetuai parti atau mana-mana tempat di negara.

"Mereka tidak berhak bercakap mengenai kepimpinan kita, kepimpinan kita diterima oleh rakyat dan kami tahu apa yang dibuat oleh pemimpin kami demi kebaikan parti dan negara," katanya.

Oleh itu beliau menasihatkan anggota parti supaya berwaspada terhadap anggota-anggota tertentu yang hanya berminat melancarkan agenda mereka sendiri dan ini boleh memusnahkan parti.

Beliau juga menekankan pentingnya perubahan sikap, nilai dan pemikiran di kalangan anggota parti memandangkan ini penting bagi perjuangan dan survival parti.

Wanita Umno juga memberikan komitmennya untuk memainkan peranan utama dalam menawan kembali pemerintahan Kelantan dan Terengganu daripada pembangkang, kata Rafidah.

-- BERNAMA

WNZ PR